SIARAN MEDIA
Untuk Siaran Segera
24 November 2026

Guthrie Umum Dividen Interim Kedua

Penjanaan aliran tunai Kumpulan yang baik dan pengurusan modal yang berdisiplin membawa ganjaran kepada pemegang saham

---

Petaling Jaya, 24 November 2026 – Guthrie hari ini mengumumkan dividen interim kedua sebanyak 11.50 sen sesaham, berjumlah RM795 juta, mencerminkan penjanaan tunai yang kukuh oleh syarikat tersebut, daya tahan kewangannya serta pengurusan modal berdisiplin yang memberi nilai kepada para pemegang saham. Dividen tersebut akan dibayar pada 28 Januari 2027 kepada para pemegang saham yang tersenarai dalam Rekod Pendeposit setakat 14 Januari 2027 pada waktu tamat urus niaga

Bersama-sama dividen yang diumumkan pada awal tahun kewangan ini, dividen interim kedua ini menjadikan jumlah keseluruhan agihan kepada pemegang saham bagi FY2026 sebanyak 22.68 sen sesaham, atau kira-kira RM1.57 bilion.

Dari 1 Januari hingga 30 September 2026, Guthrie telah mencatatkan kira-kira 10.02% jumlah pulangan kepada pemegang saham (TSR), menerusi gabungan peningkatan harga saham dan dividen[1]. Dividen interim kedua yang diumumkan hari ini meneruskan rekod penciptaan nilai oleh Guthrie kepada para pemegang sahamnya, sambil mengekalkan keupayaan kewangan syarikat tersebut untuk terus melabur dalam pertumbuhan strategik.

Pengerusi, Tan Sri Dr Nik Norzrul Thani Nik Hassan Thani, berkata dividen interim kedua ini mencerminkan komitmen Lembaga Pengarah kepada pendekatan yang konsisten dan berdisiplin dalam memberikan pulangan kepada para pemegang saham.

“Dividen interim kedua ini mencerminkan kekukuhan kedudukan kewangan Guthrie dan komitmennya untuk memastikan para pemegang saham mendapat manfaat daripada nilai yang dicipta oleh syarikat ini. Ia disokong oleh penjanaan aliran tunai berterusan serta pengagihan modal berdisiplin, yang membolehkan Guthrie memberikan pulangan kepada para pemegang saham sambil mengekalkan fleksibiliti kewangan untuk melabur bagi pertumbuhan masa hadapan,” katanya

Tan Sri Nik berkata agihan tersebut dapat direalisasikan kerana daya tahan kewangan serta penjanaan tunai yang sihat oleh syarikat tersebut, dan beliau turut merakamkan penghargaan kepada semua pemegang saham atas sokongan mereka yang berterusan.

[1] Sumber: Bloomberg. Pengiraan TSR bagi tempoh 1 Januari hingga 30 September 2026 adalah berdasarkan harga penutupan RM6.20 pada 30 September 2026 serta dividen yang dibayar sepanjang tempoh tersebut.

“Kami kekal komited dalam membina kepercayaan para pemegang saham melalui pencapaian prestasi mampan, pengekalan disiplin modal serta pencipta nilai jangka panjang untuk mereka,” katanya.

Seiring dengan pengembangan perniagaannya melangkaui sektor perladangan, Guthrie terus memperkukuhkan perniagaan terasnya, manakala segmen Pembangunan Perindustrian dan Tenaga Boleh Baharunya kini mula menyumbang kepada kepelbagaian sumber pendapatan dan penciptaan nilai jangka panjang.

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.sdguthrie.com.

Mengenai Guthrie

Guthrie ialah syarikat global terkemuka dan bertanggungjawab dalam sektor pengeluaran Minyak Sawit Disahkan Mampan (CSPO). Dengan tenaga kerja hampir 83,000 orang, kami memenuhi keperluan pengguna dan pelbagai jenama makanan di 86 buah negara. Minyak sawit yang kami hasilkan adalah bebas daripada penebangan hutan dan boleh dikesan sumber asalnya.

Dengan sejarah penubuhan melangkaui 200 tahun, kami kini merupakan peneraju inovasi yang membangunkan generasi baharu robotik serta penyelesaian berasaskan teknologi bagi sektor minyak sawit dan perniagaan tani. Kami turut memenuhi permintaan bagi tenaga boleh diperbaharu melalui pembangunan projek solar dan taman perindustrian berprestasi tinggi, sambil memanfaatkan kepimpinan kami dalam kelestarian untuk membina lebih banyak kejayaan serta perniagaan yang siap siaga menghadapi masa depan.

Kelestarian adalah teras kepada segala yang kami lakukan. Sebagai syarikat minyak sawit pertama dunia dengan sasaran pengurangan gas rumah hijau bersih-sifar yang diluluskan oleh Science Based Targets initiative (SBTi), kami melangkaui dan meningkatkan penanda aras sedia ada melalui rangka kerja kelestarian “Beyond Zero”, demi memacu perubahan yang bermakna dalam sektor industri kami.

Guthrie mengendalikan 232 ladang sawit di Malaysia, Indonesia, Papua New Guinea, dan Kepulauan Solomon, yang disokong oleh 10 kilang penapisan dengan jumlah kapasiti tahunan sebanyak empat juta tan metrik. Kami menghasilkan 12% daripada jumlah keseluruhan CSPO di dunia. Kami juga menghasilkan dan menjual pelbagai derivatif minyak sawit seperti oleokimia, biodiesel, dan nutraseutikal, serta giat membangun dan mengkomersialkan benih sawit berprestasi tinggi dan lebih berdaya tahan terhadap cabaran perubahan iklim.

Disenaraikan di Bursa Malaysia (KLSE: SDG) dengan modal pasaran sebanyak RM40.46 billion (USD9.81 billion) as of 23 November 2026, Guthrie adalah salah satu syarikat strategik milik Permodalan Nasional Berhad, syarikat amanah saham terbesar di Malaysia dan pemegang saham utama kami. Kami turut disokong oleh beberapa institusi pelaburan besar yang lain seperti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP).

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.sdguthrie.com.

Atau Hubungi:

- **Michael Murty, Komunikasi Korporat**
  Tel: +6016-326 8373| E-mail: michael.murty@sdguthrie.com

- **Nur Yee Jie Min, Komunikasi Korporat**
  Tel: +6012-355 1885 | E-mail: yee.jie.min@sdguthrie.com